SEJARAH PENANAMAN TEH DI SELANGOR

THE HISTORY OF TEA PLANTATION IN SELANGOR

British merancang untuk mewujudkan ladang teh dengan menanam benih teh yang dibawa dari India untuk dieksport ke London dan menyaingi industri teh dari Ceylon dan India. Pihak British telah membuka ladang percubaan teh (tanah rendah) di Serdang pada tahun 1925. Antara jenis teh yang diimport dari India ialah spesies *Charali Manipuri*, *Charali Assam*, *Amulguri* dan *Dutea Manipuri*. Ladang Teh BOH Bukit Cheeding, Kuala Langat telah dibuka untuk menampung permintaan pengeluaran teh yang terdapat di Cameron Highland, Pahang. Ladang teh yang dibuka pada tahun 1927 ini berkeluasan 210 ekar, bersuhu sederhana dan mempunyai suatu keunikan iaitu teh ditanam di bawah pokok kelapa sawit secara berselang seli. Pada tahun 1934, ladang ini dan Ladang Ampar Tenang, Dengkil telah dibeli oleh gabungan United Sua Betong dan kumpulan Guthrie untuk dijadikan kawasan penanaman kelapa sawit.

Pada tahun 1939, terdapat sebuah ladang teh yang wujud di kawasan Kuala Langat iaitu Ladang Jugra Land and Carey Island. Sehingga tahun 1959, ladang teh ini berkeluasan 2,400 ekar dan mampu mengeluarkan produk teh berkapasiti 2,000,000 *pound* dalam setahun. Pada tahun 1940, kawasan penanaman teh di Selangor semakin meningkat dari 1,131 ekar kepada 2,015 ekar (1,555 ekar mengeluarkan produk teh hitam manakala 460 ekar diusahakan oleh syarikat kecil Cina untuk pengeluaran teh hijau). Teh hijau menjadi pilihan etnik Cina kelas pertengahan dengan harga 60 sen sekati untuk kualiti pertama dan 20 sen hingga 30 sen sekati untuk kualiti rendah. Perusahaan teh menarik minat etnik Cina untuk diusahakan disebabkan teh menjadi salah satu menu tradisional mereka. Sebagai contoh, komuniti Cina Sungai Balak membangunkan 140 ekar tanah tinggi di Sungai Besi-Cheras Road, Bukit Serdang dan Sungai Ramal untuk perusahaan teh secara kecil-kecilan pada tahun 1929.



The British planned on setting up a tea plantation by planting tea seedlings brought from India to be exported to London to compete with tea from Ceylon and India. The British opened up a trial tea plantation (low land) in Serdang in 1925. Among the types of tea that were imported from India are the Charali Manipuri, Charali Assam, Amulguri and Dutea Manipuri species. The BOH tea plantation in Cheding, Kuala Langat was opened to meet the demands of tea production in Cameron Highland, Pahang. The tea plantation was opened in 1927 with an area of 210 acres, moderate temperature and it also has its own uniqueness in that the tea was planted in between palm trees. In 1934, this plantation and the Ampar Tenang plantation, Dengkil were bought by the United Sua Betong and the Guthrie Group to be converted into an oil palm plantation area.

In 1939, there was a tea plantation that existed in the Kuala Langat area, namely Jugra Land and Carey Island Plantations. By 1959, this tea plantation area was 2,400 acres and was capable of producing tea with the capacity of 2,000,000 pounds in a year. In 1940, the area of tea cultivation in Selangor increased from 1,131 acres to 2,015 acres (1,555 acres producing black tea products while 460 acres were cultivated by small Chinese companies for green tea production). Green tea became the choice of middle-class ethnic Chinese with a price of 60 cents per catty for first quality and 20 cents to 30 cents per catty for low quality tea. The tea industry attracted the interest of ethnic Chinese to work because tea is one of their traditional menu items. For example, the Balak River Chinese community developed 140 acres of upland at Sungai Besi-Cheras Road, Bukit Serdang and Sungai Ramal for a small-scale tea enterprise in 1929.